

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan untuk membacanya.

Tarikh:

1 Apakah SmartPA Enhanced?

SmartPA Enhanced menyediakan perlindungan 24/7 di seluruh dunia sekiranya berlaku kecederaan badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan dengan cara tidak sengaja.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM 131**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerjaan 1 yang memilih Pelan 1 – RM50,000 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
- Kematian Akibat Kemalangan – RM50,000 - Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – RM50,000 - Bonus Pembaharuan – 15% setahun sehingga 120% daripada jumlah prinsipal diinsuranskan untuk manfaat 1 & 2 - Ganti Rugi Berganda semasa menaiki pengangkutan awam, melancong ke luar negara atau menjadi mangsa ragut atau rompakan atau terlibat dalam kemalangan semasa musim perayaan – RM100,000 Perbelanjaan Perubatan i. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – RM3,000 ii. Rawatan Perubatan Alternatif – RM500 b) Jaminan Kemasukan Tanpa Tunai – RM3,000 c) Pergi dan Pembedahan Pembetulan – RM5,000 d) Elaun Harian Hospital (maksimum 180 hari) – RM50 sehari, maksimum sehingga RM9,000 e) Elaun Penjagaan Ihsan – RM3,000 f) Caj Penjagaan Kejururawatan Mingguan – RM500 g) Yuran Ambulans Tempatan – RM500 h) Prostesis – RM1,000 - Penghantaran Pulang Jenazah – RM10,000 - Elaun Perkabungan / Pengebumian / Tunai a) Elaun Perkabungan – RM5,000 b) Perbelanjaan Pengebumian – RM5,000 c) Elaun Tunai – RM2,000 - Kecurian Ragut atau Rompakan – RM500 - Manfaat Penculikan: a) Pembayaran Sekaligus – sehingga RM5,000 b) Ganjaran – sehingga RM25,000 c) Orang yang Diinsuranskan Tidak Dapat Ditemui – sehingga RM50,000 - Pelindung Pinjaman – RM2,000 - Liabiliti Peribadi – RM50,000	- Sebarang tindakan yang menyalahi undang undang, pendedahan secara sengaja kepada bahaya, membunuh diri, mencederakan diri dengan sengaja; - Sebarang kecacatan fizikal, mental atau kelemahan yang sedia ada - HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), dan/atau sebarang mutasi atau derivatif daripadanya. - Intoksikasi ubat-ubatan - Kehamilan dan kelahiran anak - Sukan berbahaya cth. teroka gua (<i>pot-holing</i>), penyelaman tanpa peralatan pernafasan (<i>skin-diving</i>), polo hoki, pemburuan persendirian, perlumbaan selain daripada penggunaan kaki. - Penerbangan selain daripada sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen yang membawa penumpang. - Peperangan, pencerobohan dan pemberontakan. - Bertugas sebagai pertahanan awam, tentera udara, tentera laut atau polis secara tetap atau sementara.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.

Dengan membayar premium tambahan sebanyak **RM30**, anda boleh melanjutkan perlindungan untuk menambah:

- Hilang Upaya Menyeluruh Sementara – **RM50 seminggu, maksimum sehingga 104 minggu**

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[SmartPA Enhanced |
Generali Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.gi@generali.com.my



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan
AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Perlindungan standard	RM 131 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	RM 30 (tahunan)
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM 161	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM 10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM 40.25
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 12.88

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Anda mesti memberitahu kami dengan segera sekiranya berlaku tuntutan kematian dan kecederaan badan dalam tempoh 21 hari dari kemalangan.
- **Individu yang Layak:**
 - Semua rakyat Malaysia, pemastautin tetap, pemegang permit kerja, pemegang pas, dan pasangan/anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia.
 - Orang yang diinsuranskan yang berumur antara 18 hingga 69 tahun, dan polisi boleh diperbaharui sehingga umur 100 tahun.
 - Kanak-kanak yang berumur sekurang-kurangnya 30 hari sehingga 18 tahun, had umur maksimum dilanjutkan sehingga 23 tahun sekiranya mereka merupakan pelajar sepenuh masa.
- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan bahagian premium yang berkadar berkenaan dengan tempoh insurans yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan dibuat.